

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/01/30 - 2

JANGAN BIMBANG SURAT DAN E-MEL PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA DARIPADA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pembayar cukai yang menerima surat atau e-mel Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) tidak perlu berasa bimbang, sebaliknya mereka hendaklah menghubungi LHDNM untuk penjelasan lanjut.

Kira-kira 8.3 juta surat dan e-mel yang dikeluarkan oleh LHDNM kepada pembayar cukai berdaftar merupakan makluman berkenaan PKPS yang mula dilaksanakan pada 03 November 2018 dan akan berakhir pada 30 Jun 2019 seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2019.

Melalui program ini, pembayar cukai ditawarkan kadar penalti serendah 10% dan 15% ke atas amaun cukai tambahan yang perlu dibayar yang merangkumi kategori pembayar cukai berikut:

- i. Pembayar cukai berdaftar tetapi gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) / Borang Nyata Petroleum (BNP) / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) secara teratur;
- ii. Pembayar cukai yang sudah mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT tetapi tidak membuat pengisytiharan cukai yang betul seperti terdapat keraguan amaun pendapatan / keuntungan pelupusan harta tanah (terkurang lapor pendapatan) atau keraguan amaun perbelanjaan dan pelepasan cukai yang dituntut (terlebih tuntutan);
- iii. Pembayar duti yang gagal membuat penyeteman suratcara dalam tempoh yang ditetapkan.

Pembayar cukai yang telah melaporkan pendapatan, perbelanjaan dan pelepasan cukai yang sepatutnya kepada LHDNM serta yang telah membuat penyeteman suratcara dalam tempoh yang ditetapkan boleh mengabaikan surat atau e-mel pemakluman tersebut.

Pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh program ini akan diterima secara suci hati tanpa pertanyaan lanjut daripada pihak LHDNM.

LHDNM juga ingin menasihatkan pembayar cukai agar berhati-hati dengan sindiket penipuan yang cuba mengambil kesempatan terhadap pelaksanaan program ini. Pembayar cukai boleh mendapatkan pengesahan dan maklumat lanjut mengenai program ini dengan cara:

- i. Mengunjungi Pejabat LHDNM yang berhampiran;



- ii. Menghubungi Hasil Care Line LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara); atau
- iii. Menghantar e-mel pertanyaan kepada:
pengakuansukarela@hasil.gov.my

Selain Malaysia, program seumpama ini turut telah dilaksanakan oleh lebih 20 buah negara antaranya Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Jerman, Afrika Selatan dan Indonesia bagi memberikan peluang kepada rakyat membuat pengakuan sukarela, selaras dengan inisiatif Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (The Organisation for Economic Co-operation and Development /OECD) dalam melaksanakan pertukaran maklumat di bawah *Country-by-Country Reporting* (CbCR) yang bermula dalam Bulan September 2018 bagi Negara Malaysia.

Selamat Tahun Baharu Cina

Di kesempatan ini LHDNM turut ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua rakyat Malaysia yang meraikannya. Semoga tahun baharu ini memberikan lebih keceriaan dan kemakmuran kepada semua.

Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Sabin bin Samitah
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
30 Januari 2019



###

SEKIAN, TERIMA KASIH



Sila hubungi:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my



/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube